

CNS4019

R GB 06-08 00178 BH642

bah

Mahathir - MIC

ALOR SETAR, 6 030s (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata kemungkinan pendaftaran MIC dibatalkan memang ada kerana Pendaftar Pertubuhan boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak yang menyalahi undang-undang.

Bagaimanapun, beliau yakin MIC telah mengambil tindakan supaya parti itu tidak diharamkan seperti yang berlaku kepada UMNO pada 1.987.

Laporan Bernama Ahad lepas mernetik seorang pegawai kanan parti sebagai berkata, cara MIC menanggungkan perhimpunan agungnya heberapa kali melanggar per lembagaan parti dan Akta Pertubuhan.

Ketika bercakap kepada pemberita semasa menghadiri Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah Kolej Sultan Abdul Hamid, di sini hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata memandangkan perkara itu menyentuh soal undang-undang jadi kemungkinan pendaftaran parti itu dibatalkan memang ada.

Perhimpunan agung MIC telah tertangguh beberapa kali sejak 1989. Kali terakhir pada 2 Ogos yang ditangguhkan ke satu tarikh yang belum ditetapkan kerana ketika itu MIC terlalusi sibuk dsngan pilihan raya kecil Prai di Pulau Pinang yang mana pengerusi MIC negeri, Encik V. Muthusamy menjadi calon BN.  
-- Lagi

♥06/08/15-47MST

CNS4022

R GB 06-08 00123 BH643

bah

Mahathir - MIC 2 Alor Setar

Datuk Sri Dr Mahathir, yang ditanya sama ada beliau sebagai Pengerusi Barisan Nasional, akan menasihati Datuk Seri S. Samy Vellu mengenai perkara itu, berkata: "Datuk Samy Vellu pun tahu... saya ingat tak payah nasihatlah."

Mengenai alasan perhimpunan agung itu ditunda kerana berlaku perebutan sengit kerusi naib presiden dan timbulnya soal orang Presiden dalam MIC, beliau berkata, itu adalah masalah dalaman MIC.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata parti-parti lain boleh memakai nasihatnya kepada UMNO semasa UMNO menghadapi pertandingan sengit dalam parti satu ketika dulu, sekiranya nasihat itu berguna kepada mereka.

Antaranasihat itu ialah presiden parti jangan memihak kepada mana-mana calon yang bertanding. -- Rernama

♥06/08/15-49MST